



## MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

### IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi memohon jawatan-jawatan bertaraf tetap di Majlis Bandaraya Alor Setar mengikut kekosongan jawatan seperti berikut :

1.	NAMA JAWATAN	GED	KEKOSONGAN
1.1	Arkitek Landskap	J41	1
1.2	Penolong Pegawai Senibina	J29	2
1.3	Pembantu Kesihatan Awam	U17	20

#### 2. JADUAL GAJI

2.1	Arkitek Landskap Gred J41	:	P1T1 RM 2088.25 - P1T23 RM 4721.03 P2T1 RM 2184.26 - P2T23 RM 5015.88 P3T1 RM 2284.45 - P3T23 RM 5306.79
2.2	Penolong Pegawai Senibina Gred J29	:	P1T1 RM 1549.40 - P1T21 RM 3046.80 P2T1 RM 1620.49 - P2T21 RM 3241.91 P3T1 RM 1694.60 - P3T21 RM 3430.90
2.3	Pembantu Kesihatan Awam Gred U17	:	P1T1 RM 862.73 - P1T17 RM 1711.21 P2T1 RM 914.16 - P2T17 RM 1809.64 P3T1 RM 967.10 - P3T17 RM 1912.44

#### 3. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 3.1 Terdiri dari warganegara Malaysia.
- 3.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 3.3 Memiliki kelulusan akademik bagi memasuki skim perkhidmatan berkenaan mengikut syarat-syarat kelayakan seperti di **para 4** di bawah.

#### 4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

##### 4.1 Arkitek Landskap Gred J41

- 4.1.1 Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
- 4.1.2 Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu ( termasuk lulus ujian lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.1.3 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**  
Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek Landskap Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 4.1 .1 di atas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

#### 4.2 Penolong Pegawai Senibina Gred J29

- 4.2.1 Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Keutamaan diberi kepada calon diploma dalam bidang seni bina landskap.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred J29:P1T2 ) ;

**dan**

- 4.2.2 Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu ( termasuk lulus Ujian Lisan ) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### 4.2.3 Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Juruteknik bidang seni bina dan Pelukis Pelan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Senibina Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) i) Mempunyai kelayakan di perenggan 4.2.1 di atas; atau
  - ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

#### 4.3 Pembantu Kesihatan Awam Gred U17

- 4.3.1 Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **dan**

- 4.3.2 Tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat **Sijil Pembantu Kesihatan Awam** yang diiktiraf oleh kerajaan; **dan**

- 4.3.3 Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### 4.3.4 Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (a) i) Mempunyai kelayakan di perenggan 4.3.1 **dan** 4.3.2 di atas; atau
- ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### 5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan semasa yang dibuat ke atasnya.

## 6. CARA-CARA MEMOHON

- 6.1 Borang Permohonan Jawatan Majlis Bandaraya Alor Setar boleh dipohon daripada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Alor Setar, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Setar dengan dikenakan bayaran RM 6.00 dalam bentuk Wang Pos ( bayar kepada: Datuk Bandar, MBAS ) dengan mengemukakan sampul surat berukuran 23sm x 11sm berselem 50 sen dan beralamat sendiri **ATAU borang permohonan jawatan boleh didapati di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBAS, Tingkat 11, Menara MBAS, Jalan Kolam Air, Alor Setar, Kedah.**
- 6.2 Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memajukan borang permohonan mereka melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan Kenyataan Perkhidmatan dan Penyata Sulit Khas mengikut Perintah Am 21 Bab A bersekali dengan Laporan Nilai Prestasi Tahun terakhir.
- 6.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi mestilah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil kelayakan akademik dan sijil-sijil berkaitan yang **diperakui sah sebagai salinan sebenar** serta sekeping gambar terbaru berukuran pasport.
- 6.4 Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon di sudut sebelah kiri sampul surat dan alamatkan kepada:

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR  
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN.**

## 7. CATATAN AM

- 7.1 Iklan jawatan MBAS ini boleh dilayari melalui laman web [www.mbas.gov.my](http://www.mbas.gov.my)
- 7.2 Permohonan jawatan kosong ini hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Bandaraya Alor Setar.
- 7.3 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- 7.4 Borang permohonan yang tidak lengkap, tidak melalui Ketua Jabatan ( bagi pegawai perkhidmatan awam ) serta tidak menyertakan salinan dokumen-dokumen yang diperakui sah sebagai salinan sebenar akan ditolak.

## 8. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- 8.1 Tarikh tutup permohonan ialah pada **8hb November 2011**. Borang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.